

16 SEP 2002

Polis-Filipina

PASUKAN SIASATAN KHAS BUKIT AMAN BERSEDIA KE MANILA

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Pasukan Khas Jabatan Siasatan Jenayah (CID) Bukit Aman untuk menyiasat dakwaan seorang gadis Filipina berumur 13 tahun yang beliau dirogol semasa ditahan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Sabah, sudah mendapat kebenaran untuk menemuramah gadis itu di Filipina.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Musa Hassan berkata, pasukan khas CID itu baru sahaja diberitahu oleh Kedutaan Filipina di sini tentang kebenaran yang diperolehi dan kini sedang membuat persiapan terakhir sebelum berlepas ke Manila.

"Kita (polis) baru sahaja diberitahu oleh pihak kedutaan Filipina tentang kebenaran itu. Kita akan membuat beberapa persiapan termasuk memberikan nama pegawai-pegawai kita yang akan ke sana (Manila)," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Awal hari ini, Setiausaha Kehakiman Filipina Hernando Perez dalam satu kenyataan di Manila berkata, kerajaannya memutuskan untuk memberi kebenaran kepada pihak Malaysia menemuramah gadis berkenaan.

Perez berkata ini termasuk kemungkinan bagi pasukan khas Malaysia itu untuk merekodkan kenyataan gadis itu tentang dakwaannya di samping memberi peluang kepada gadis terbabit membuat laporan polis yang rasmi.

Baru-baru ini, polis menubuhkan pasukan penyiasat khas yang diketuai oleh Penolong Pengarah CID (Siasatan Khas) ACP Takbir Ahmad Nazir bagi menyiasat dakwaan gadis itu bahawa beliau telah dirogol semasa ditahan di PTS.

Pasukan khas itu juga akan turut dianggotai pegawai-pegawai dari Bahagian Jenayah Seksual dan Undang-Undang Bukit Aman.

Sebelum itu, Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo telah menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta beliau menyiasat tentang dakwaan kejadian rogol gadis berkenaan.

Dr Mahathir, dalam kenyataan balasnya telah mengarahkan pihak polis menyiasat dakwaan yang dikemukakan itu serta membawa mana-mana individu yang didapati bersalah ke muka pengadilan.

Dakwaan rogol oleh gadis warga Filipina itu muncul ketika beribu-ribu warga tanpa izin republik itu ditahan di pusat-pusat tahanan sementara kerana tinggal tanpa mempunyai sebarang dokumen di negara ini.

Selain itu, kerajaan Filipina juga telah menghantar satu pasukan yang diketuai oleh bekas anggota Kongres negara berkenaan Nur Jaafar untuk membuat tinjauan terhadap pusat-pusat tahanan sementara yang menempatkan ribuan rakyatnya.

Ditanya mengenai pasukan khas Bukit Aman itu, Musa berkata mereka kini masih lagi berada di Sabah untuk menyiasat kes terbabit.

Mengenai tarikh mereka bertolak ke Manila, beliau yang bertanggungjawab menyelia pasukan khas CID itu berkata mereka akan bertolak selepas segala persiapan dilakukan.

Sementara itu, Duta Filipina ke Malaysia Jose Brillantes semasa dihubungi Bernama mengesahkan perkara itu dan berharap pasukan penyiasat khas polis itu dapat mempercepatkan kunjungan mereka Manila.

"Terdapat perkara yang memerlukan tindakan segera bagi mereka (pasukan khas Bukit Aman) untuk menjalankan penyiasatan. Saya berharap pasukan itu dapat mempercepatkan penyiasatan selain kunjungan mereka ke Manila," kata beliau.

Brillantes berkata penyiasatan terhadap dakwaan oleh gadis berusia 13

tahun ini perlu dipercepatkan memandangkan "Kuala Lumpur dan Manila telah jelas mengenai perkara itu."

-- BERNAMA

MHI AZH ROS